

LAPORAN PENGURUS

**PERTENGAHAN
TAHUN SEHINGGA
31 OGOS 2025**



AMANAH SAHAM KEDAH

Asas Sumber Kesejahteraan



Laporan Pengurus Bagi Setengah Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 2025

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera

Pemegang unit Amanah Saham Kedah (ASK) yang dihormati,

Kedah Islamic Asset Management Berhad selaku Pengurus Tabung ASK dengan sukacitanya membentangkan Laporan Pertengahan Tahun dan Penyata Akaun Belum Beraudit ASK ke-31 bagi setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2025.

MAKLUMAT DANA

Nama : Amanah Saham Kedah ("Tabung ASK")

Jenis : Pendapatan dan Pertumbuhan Modal

Kategori : Tabung Ekuiti Berteraskan Syariah

Objektif Pelaburan : Untuk memberikan pelabur suatu peluang peningkatan modal dan pengagihan pendapatan melalui pelaburan yang berteraskan prinsip Syariah pada tahap risiko yang munasabah.

Tempoh Hayat Tabung ASK : Dilancarkan pada 27 Februari 1995 dan akan terus beroperasi sehingga ditamatkan mengikut Fasal 25 Suratkatan ASK.

Tanda Aras Prestasi : Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS Syariah.

Polisi Pengagihan Pendapatan : Pengagihan tahunan/interim (jika ada) berdasarkan jumlah pulangan Tabung ASK.

Pecahan Pegangan Unit ASK Pada 31 Ogos 2025

Kedudukan Pelabur Mengikut Pegangan Unit				
Pegangan Unit	Pelabur	%	Unit	%
5,000 ke bawah	22,515	90.69	4,077,835	4.66
5,001 ke 10,000	801	3.23	5,608,895	6.41
10,001 ke 50,000	1,300	5.24	25,873,504	29.57
50,001 ke 500,000	205	0.83	20,859,142	23.84
500,001 ke atas	4	0.02	31,018,346	35.45
Stok Pengurus	-	-	62,278	0.07
Jumlah	24,825	100.00	87,500,000	100.00

**MAKLUMAN****Perubahan Alamat Dan Maklumat Pelabur**

Para pelabur adalah dinasihat supaya memaklumkan pihak KIAM sebarang perubahan alamat dan maklumat peribadi sama ada melalui telefon, surat atau e-mel. Bagi waris kepada pemegang unit yang telah meninggal dunia, waris adalah dinasihat supaya melaporkan kepada KIAM tentang perkara tersebut bagi membolehkan KIAM mengambil tindakan yang perlu.

Maklumat Akaun Bank Pelabur

Pengurusan ASK sedang dalam proses penambahbaik perkhidmatan seperti transaksi unit-unit Tabung ASK dan proses agihan pulangan pelaburan kepada para pemegang unit. Sehubungan dengan itu, para pelabur adalah dipohon untuk memberi maklumat akaun bank bagi memudahkan pihak KIAM untuk mengkreditkan terus bayaran belian balik unit ASK dan pulangan pelaburan (sekiranya ada) ke dalam akaun pemegang unit di masa hadapan.

Pengeluaran Laporan-Laporan Tabung ASK Secara Elektronik

KIAM telah mendapat kelulusan pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) pada 15 Oktober 2021 untuk mengeluarkan Laporan Tahunan dan Laporan Interim Tabung ASK kepada semua pelabur secara elektronik.

Ini adalah selaras dengan peruntukan SC di dalam Garispanduan Mengenai Urusniaga Dan Aktiviti Dalam Talian Berkaitan Unit Amanah ("Guidelines On Online Transactions And Activities In Relation To Unit Trusts"), Bahagian 3, Perkara 7.06. Para pelabur boleh mengakses laporan-laporan Tabung ASK melalui pautan di laman web KIAM, iaitu di www.kiam.com.my. Pihak KIAM telah memuat turun laporan-laporan Tabung ASK di laman web tersebut untuk rujukan para pelabur.



Jika pelabur masih ingin mendapatkan laporan-laporan Tabung ASK yang bercetak, ianya boleh didapati di pejabat KIAM atau membuat permohonan dengan mengisi borang di bawah:

Nama Pelabur: _____

No. KP: _____

Alamat surat menyurat (jika ada perubahan):

Nombor telefon : _____

Alamat e-mel (jika ada) : _____

Maklumat bank

Nama bank : _____

Nombor Akaun: _____

☐ Saya ingin mendapatkan laporan-laporan Tabung ASK secara bercetak dan melalui pos.

(tanda ✓ jika perlu)

Tandatangan

Tarikh

Para pelabur boleh mengisi dan mengembalikan secara pos, faks atau email kepada kami borang di atas ke:

KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD
178, Lebuhraya Sultanah Bahiyah
05350 Alor Setar
Kedah Darul Aman

Email: ask@kiam.com.my

Telefon: 04-7300323

Faks: 04-7300320




LAPORAN PENGURUS

Pencapaian Objektif Dan Analisa Prestasi Berbanding Tanda Aras


Bagi setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2025, Nilai Aset Bersih (NAB) seunit Tabung ASK naik 4.11% kepada RM0.2911 di penutup urusniaga pada 31 Ogos 2025 daripada RM0.2796 di pembukaan urusniaga pada 1 Mac 2025. Prestasi ini menunjukkan sedikit peningkatan berbanding Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS Syariah (selepas ini dirujuk sebagai "FBMSHA") yang turun 2.21% dalam tempoh yang sama.

Perubahan Nilai Aset Bersih Seunit Tabung ASK Berbanding Tanda Aras FBMSHA Bagi Setengah Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 2025



Bagi prestasi 5 tahun yang lepas, iaitu dari 1 September 2020 hingga 31 Ogos 2025, Tabung ASK naik sebanyak 24.76% berbanding penurunan FBMSHA sebanyak 11.53%, selepas diselaraskan dengan pengagihan-pengagihan pendapatan.

Perubahan Nilai Aset Bersih Seunit Tabung ASK Berbanding Tanda Aras FBMSHA Untuk 5 Tahun Yang Lepas



Objektif pelaburan yang berteraskan prinsip Syariah tetap dipelihara. Majlis Penyeliaan Syariah KIAM di dalam laporannya (*rujuk mukasurat 11*) telah mengesahkan bahawa Tabung ASK telah diurus dan ditadbir mengikut prinsip-prinsip Syariah dan mematuhi garis panduan, peraturan dan keputusan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berhubung hal ehwal Syariah.



Strategi dan Polisi Pelaburan Digunapakai Untuk Mencapai Keputusan Prestasi

Strategi dan polisi pelaburan yang digunapakai untuk mencapai prestasi yang dicatatkan bagi setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2025 terbahagi kepada tiga; (a) peruntukan aset strategik ("strategic asset allocation"), (b) peruntukan sektor strategik ("strategic sector allocation") dan (c) pemilihan saham strategik ("strategic stock selection").

Peruntukan aset strategik

Bagi setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2025, peruntukan ekuiti dikekalkan melebihi 70% dan tidak melebihi 95%, seperti keperluan yang dinyatakan di dalam prospektus.

Strategi terkini, pemilihan Pengurus masih di dalam sektor kesihatan bagi jangka masa yang pendek ini. Pengurus akan menilai dan beralih kepada tematik selektif seperti sektor runcit, sektor pelancongan, sektor komoditi, sektor minyak mentah dan sektor perbankan. Untuk jangka masa panjang, Pengurus menumpukan kepada sektor teknologi selaras dengan teknologi terkini seperti 5G.

Peruntukan sektor strategik

Pendekatan secara pro-aktif juga diambil di dalam peruntukan sektor strategik yang dibuat berdasarkan kepada unjuran prestasi sektor-sektor di dalam ekonomi yang dijangka lebih cemerlang.

Pemilihan saham strategik

Proses penyelidikan kami menghendaki kami mempunyai pemahaman yang kukuh mengenai syarikat, amalan perniagaannya, reputasi dan perlakuan hak pemegang saham.

Pasukan penyelidik berusaha untuk melakukan wawancara dengan individu di pelbagai peringkat pengurusan, pembekal, pelanggan dan pesaingnya. Kami juga mencari maklumat yang relevan melalui artikel berita dan Bloomberg.

Bagi pelaburan ekuiti, Pengurus akan mengenalpasti sama ada pelaburan di dalam sesebuah syarikat tersenarai itu dibuat atas dasar pelaburan asas ("core"), pelaburan untuk dividen ("dividend/yield"), pelaburan untuk pertumbuhan modal ("growth") atau pelaburan berasaskan nilai ("value").

Manakala bagi pelaburan di dalam pasaran wang pula, Pengurus Tabung ASK membuat pelaburan bagi tempoh jangkamasa pendek dan sederhana. Pelaburan telah dibuat di dalam instrumen-instrumen seperti *Term Deposit-i Tawarruq-Special (TDT-i Special)*, *Al-Wadiah*, *Corporate Commodity Murabahah Deposit (CCMD)* dan *Commodity Murabahah Deposit-i (CMD-i)*.



Ulasan Pasaran Saham

Indeks FBM Emas Syariah (FBMSHA) mencatatkan kenaikan sebanyak 2.08% sepanjang tempoh enam bulan (Mac 2025 – Ogos 2025). Komposit Syariah ini ditutup pada 11,649.08 mata di penghujung Ogos, berbanding 11,411.79 mata pada awal Mac.

Faktor-faktor yang telah mempengaruhi naik turun pasaran ekuiti tempatan sepanjang tempoh Mac 2025 hingga Ogos 2025 ialah:

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK): Pertumbuhan ekonomi Malaysia meningkat pada suku kedua tahun 2025 dengan kadar 4.4%, sama seperti kadar pada suku pertama tahun 2025. Prestasi yang memberangsangkan ini didorong oleh permintaan domestik yang kukuh dan aktiviti pelaburan yang lebih rancak, meletakkan ekonomi pada landasan stabil sepanjang tahun. Pertumbuhan ini telah meningkatkan pengembangan separuh pertama (H1) 2025 kepada 4.4% (H1 2024: 5.1%) walaupun berdepan ketidakpastian global. Ini membuktikan bahawa dasar-dasar Ekonomi MADANI sedang membuahkan hasil untuk negara dan, yang lebih penting, untuk rakyat. Pertumbuhan ini meletakkan Malaysia dalam kedudukan yang selesa untuk menutup tahun 2025 dengan pertumbuhan hampir kepada had atas julat ramalan rasmi Kerajaan sebanyak 4.0% hingga 4.8%.

Kadar Dasar Semalaman (OPR): Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) telah mengekalkan kadar OPR pada 3.00% dari Mac 2025 hingga awal Julai 2025. Pada 9 Julai 2025, kadar OPR telah diturunkan sebanyak 25 mata asas kepada 2.75%. Bank Negara Malaysia (BNM) menyifatkan keputusan tersebut sebagai “langkah awal” untuk memelihara trajektori pertumbuhan ekonomi negara di tengah-tengah persekitaran global yang mencabar. Pengurangan kadar ini, yang pertama sejak Julai 2020, dilaksanakan meskipun ekonomi domestik menunjukkan daya tahan yang kukuh. BNM dijangka mengekalkan OPR pada 2.75% sepanjang baki tahun 2025, bersandarkan data domestik yang stabil, inflasi teras yang sederhana serta prospek pertumbuhan KDNK yang kukuh sekitar 4.0% hingga 4.8%.

Kadar Faedah Amerika Syarikat: Salah satu faktor utama yang mempengaruhi pasaran global ialah perubahan kadar faedah di ekonomi terbesar dunia ini. Kadar faedah tertinggi yang direkodkan iaitu 5.50% kekal sehingga 18 September 2024 sejak Julai 2023. Keadaan ini berlaku kerana Amerika Syarikat masih berdepan kadar inflasi yang tinggi dan belum mencapai sasaran 2.0%. Walau bagaimanapun, Rizab Persekutuan (Fed) mula melonggarkan dasar moneterinya pada September 2024 dengan melakukan pemotongan kadar faedah pertama selepas tempoh pengetatan yang berpanjangan. Sepanjang suku akhir 2024, Fed melaksanakan beberapa siri pemotongan sehingga kadar faedah turun kepada sekitar 4.25–4.50% menjelang Disember 2024. Memasuki tahun 2025, jangkaan terhadap pemotongan selanjutnya terus mempengaruhi sentimen pasaran, namun antara Mac hingga Ogos 2025 Fed mengambil pendekatan berhati-hati. Data inflasi yang bercampur dan kebimbangan terhadap pasaran buruh menyebabkan kadar faedah kekal tidak berubah dalam tempoh tersebut, sambil pasaran menunggu kejelasan hala tuju pelonggaran moneteri pada separuh kedua tahun.



Inflasi: Kadar inflasi pada bulan Mac 2025 berada pada 1.4% dan kekal pada tahap ini hingga April sebelum menurun ke paras terendah 1.1% pada Jun, iaitu kadar paling rendah dalam tempoh lebih setahun. Namun begitu, inflasi meningkat semula kepada 1.2% pada Julai dan 1.3% pada Ogos 2025, sejajar dengan jangkaan pasaran. Peningkatan ini sebahagian besarnya dipacu oleh harga makanan yang kembali meningkat, bersama sumbangan daripada kategori perkhidmatan seperti rekreasi, pendidikan, restoran dan kewangan. Walaupun beberapa komponen seperti pakaian, komunikasi, perumahan dan pengangkutan mencatatkan kenaikan lebih sederhana, ia tidak cukup untuk mengekang tekanan harga keseluruhan. Inflasi teras juga menunjukkan peningkatan berbanding bulan-bulan sebelumnya, menandakan bahawa momentum kenaikan harga semakin kukuh. Secara keseluruhan, trajektori inflasi antara Mac hingga Ogos 2025 kekal pada paras rendah tetapi mula memberi isyarat peningkatan menjelang suku ketiga tahun.

Pergerakan Mata Wang Ringgit: Ringgit Malaysia mencatatkan kenaikan nilai sebanyak 5.33% dari 1 Mac 2025 (USD1=RM4.46) kepada RM4.22 pada 31 Ogos 2025. Pengukuhan ini banyak disokong oleh kelemahan dolar AS secara menyeluruh apabila pasaran menilai semula prospek pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat serta jangkaan bahawa Fed akan terus melonggarkan dasar monetari. Pada masa yang sama, asas domestik kekal berdaya tahan dengan lebih akaun semasa yang stabil, resit pelancongan yang kukuh, serta tanda-tanda pemulihan eksport menjelang pertengahan tahun. Walaupun BNM menurunkan OPR sebanyak 25 mata asas pada Julai 2025, ringgit terus mendapat sokongan daripada faktor luaran ini, sekali gus mengekalkan momentum pengukuhan sehingga akhir Ogos.

Keputusan Korporat: Sektor-sektor yang mencatatkan prestasi cemerlang antara Mac hingga Ogos 2025 ialah pembinaan (21.83%), teknologi (9.89%), REIT (5.96%), dan produk industri (2.44%). Lonjakan sektor pembinaan dipacu oleh pelaburan swasta dalam kampus pusat data berskala besar di Johor dan Selangor serta projek infrastruktur awam utama seperti MRT3, RTS Link Johor–Singapura dan LRT Pulau Pinang. Sektor teknologi mendapat manfaat daripada peningkatan pelaburan dalam infrastruktur digital dan peranan Malaysia dalam rantai bekalan semikonduktor serantau, khususnya komponen bernilai tambah tinggi yang menyokong perkembangan kecerdasan buatan dan automasi. Bagi sektor REIT, sentimen positif lebih banyak digerakkan oleh sifatnya sebagai pelaburan defensif di tengah ketidakpastian global, dengan aliran dividen yang stabil menjadi tarikan utama pelabur institusi. Tambahan pula, pemulihan dalam segmen runcit dan pelancongan turut menyokong beberapa REIT domestik yang terdedah kepada pusat membeli-belah dan hartanah hospitaliti. Sementara itu, sektor produk industri disokong oleh pemulihan permintaan eksport serta peningkatan aktiviti pembuatan bernilai tambah, yang memperkukuh prospek pertumbuhan jangka sederhana.

Minyak Mentah: Harga minyak mentah mencatatkan penurunan sebanyak 6.91% dari Mac 2025 (USD73.18 setong) kepada USD68.12 pada Ogos 2025. Penurunan ini berpunca daripada peningkatan bekalan global berikutan langkah OPEC+ yang mula melonggarkan pengurangan pengeluaran, di samping paras pengeluaran tinggi daripada negara bukan OPEC seperti Amerika Syarikat dan Brazil. Pada masa sama, prospek permintaan global menjadi semakin lemah berikutan tanda-tanda kelembapan ekonomi di negara pengguna utama, sekali gus menimbulkan kebimbangan lebihan bekalan.



Peningkatan inventori minyak di beberapa pasaran utama serta jangkaan lebih tambahan pada separuh kedua tahun ini turut menekan harga.

Ulasan Pasaran Wang: Bagi setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2025, kadar semalaman yang ditawarkan oleh bank berlegar pada 2.6% – 2.7%, selaras dengan kadar OPR. Selepas semakan pada 9 Julai 2025, BNM memutuskan untuk menurunkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 2.75%. Pada tahap OPR semasa, pendirian dasar monetari kekal menyokong pertumbuhan ekonomi domestik, selaras dengan tekanan inflasi yang sederhana dan prospek pertumbuhan yang berdaya tahan.

Komisyen Ringan

Pihak Pengurus menerima komisyen ringan daripada syarikat-syarikat broker saham dalam bentuk bahan-bahan penyelidikan dan kajian (*“brokers’ reports”*) yang dibenarkan di bawah Garispanduan Tabung Unit Amanah melalui faksimili atau e-mel bagi tujuan memperolehi maklumat semasa pasaran dan perkembangan terbaru syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

Lebih muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

**LAPORAN TABUNG AMANAH SAHAM KEDAH****Komposisi Portfolio**

Pegangan Ekuiti Mengikut Sektor Pada 31 Ogos *	2025	2024	2023
	(%)	(%)	(%)
Barangan Pengguna	6.24	5.65	4.37
Barangan Industri	35.57	29.48	17.41
Pembinaan	11.01	6.60	6.37
Perkhidmatan/Dagangan	3.29	14.41	23.69
Hartanah	-	-	1.36
Perladangan	-	-	-
Teknologi	15.69	19.37	24.94
Telekomunikasi	0.67	1.36	-
REITS	3.69	3.07	4.74
Kewangan	4.34	3.09	4.56
Tenaga	3.10	8.34	0.09
Jumlah	83.59	91.37	87.53
Pelaburan Mengikut Kategori Pada 31 Ogos *	2025	2024	2023
	(%)	(%)	(%)
Ekuiti	83.59	91.37	87.53
Pasaran Wang	14.65	8.03	11.85
Aset Bersih Lain	1.76	0.60	0.62
Jumlah	100.00	100.00	100.00

(*) Tabung ASK hanya melabur di pasaran saham dan pasaran wang tempatan.

(**) Peratusan dikira berdasarkan NAB di akhir tempoh.

Pergerakan Nilai Modal

Pergerakan Nilai Modal		Bagi Setengah Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos		
		2025	2024	2023
Nilai Aset Bersih (NAB)	RM	25,471,385	27,049,362	23,691,598
Unit Dalam Edaran	Unit	87,500,000	90,700,000	93,500,000
NAB Seunit	RM	0.2911	0.2982	0.2534
NAB Seunit Tertinggi	RM	0.2925	0.3360	0.2553
NAB Seunit Terendah	RM	0.2338	0.2684	0.2331
Jumlah Pulangan	%	4.11	9.79	0.32
Perkembangan Modal	%	4.11	9.79	0.32
Pendapatan	%	-	-	-

Sumber : Laporan Kewangan Belum Beraudit

Jumlah Pulangan

Jumlah Pulangan Tahunan *	Bagi Tahun Kewangan Berakhir Pada 28/29 Februari				
	2025	2024	2023	2022	2021
Jumlah Pulangan Tahunan (%)	4.11	9.79	0.32	(6.84)	16.20
Purata Jumlah Pulangan **	Bagi Setengah Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 2025				
	Setahun	Tiga Tahun	Lima Tahun		
Purata Jumlah Pulangan (%)	(2.38)	14.30	11.43		

(*) Diselaras semula mengikut peratusan dan tahun kewangan masing-masing berakhir pada 28/29 Februari.

(**) Diselaras semula mengikut peratusan dan tempoh masing-masing berakhir pada 31 Ogos 2025.

Sumber : Lipper



Pengagihan Pendapatan Dan Pecahan Unit

Bagi Setengah Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos untuk tahun 2023, 2024 dan 2025, tabung tidak membuat sebarang pengagihan pendapatan dan lain-lain bentuk pengagihan.

Nisbah Perbelanjaan Pengurusan dan Dagangan Portfolio

Nisbah	Bagi Setengah Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos		
	2025	2024	2023
Nisbah Jumlah Perbelanjaan (NJP) - (%)	0.83	0.17	0.79
Nisbah Dagangan Portfolio (NDP) - (kali)	0.28	0.23	0.25

NJP dikira berdasarkan jumlah perbelanjaan mengurus dibahagi purata nilai aset bersih secara asas harian. NDP pula dikira berdasarkan purata kos belian dan jualan pelaburan dibahagi purata nilai aset bersih secara asas harian.

NDP meningkat sedikit kepada 0.28 kali daripada 0.23 kali berikutan peningkatan dalam transaksi jualan dan belian ekuiti di samping mengambil pendekatan berhati-hati oleh Pengurus Tabung ASK. Pelaburan di dalam ekuiti berada pada tahap 84% pada akhir Ogos 2025 berbanding 91% akhir Ogos 2024.

Pencapaian Tabung pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaiannya pada masa hadapan. Harga seunit dan pembayaran pengagihan pendapatan, jika ada boleh berubah-ubah sama ada naik ataupun turun.

Lebih muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



Laporan Majlis Penyeliaan Syariah KIAM

LAPORAN MAJLIS PENYELIAAN SYARIAH KIAM KEPADA PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM KEDAH BAGI SETENGAH TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OGOS 2025

Kami telah bertindak sebagai Majlis Penyeliaan Syariah KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD. Tanggungjawab kami adalah untuk memastikan bahawa prosedur dan proses yang digunakan oleh KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD dan peruntukan Suratikatan AMANAH SAHAM KEDAH bertarikh 25 Ogos 1999 dan Suratikatan Tambahan bertarikh 27 Februari 2014 adalah selaras dengan Prinsip-Prinsip Syariah.

Pada pendapat kami, KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD telah mengurus dan mentadbir Tabung AMANAH SAHAM KEDAH mengikut Prinsip-Prinsip Syariah dan mematuhi Garispanduan yang ditetapkan, Peraturan atau keputusan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berhubung hal ehwal Syariah bagi setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2025.

Kami juga mengesahkan bahawa portfolio pelaburan Tabung AMANAH SAHAM KEDAH terdiri daripada sekuriti yang dikelaskan sebagai patuhan Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

DATO' SETIA JAYA DATO' PADUKA
SYEIKH HASBULLAH BIN HAJI ABDUL HALIM
Pengerusi
Majlis Penyeliaan Syariah KIAM

Tarikh: 6 Oktober 2025



Laporan Pemegang Amanah

TRUSTEE'S REPORT TO THE UNIT HOLDERS OF AMANAH SAHAM KEDAH ("Fund")

We have acted as Trustee of the Fund for the financial period ended 31 August 2025 and we hereby confirm to the best of our knowledge, after having made all reasonable enquiries, **Kedah Islamic Asset Management Berhad** has operated and managed the Fund during the period covered by these financial statements in accordance with the following:

1. Limitations imposed on the investment powers of the management company under the deed, securities laws and the Guidelines on Unit Trust Funds;
2. Valuation and pricing is carried out in accordance with the deed; and
3. Any creation and cancellation of units are carried out in accordance with the deed and any regulatory requirement.

For and on behalf of
CIMB Islamic Trustee Berhad

Tok Puan Datin Ezreen Eliza Binti Zulkiplee
Chief Executive Officer

Kuala Lumpur, Malaysia
Date: 6 October 2025



Kenyataan Pengurus Kepada Pemegang Unit ASK

Kami, Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd Salleh Bin Haji Din dan Mohd Azad Bin Jasmi, dua daripada pengarah KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD, dengan ini menyatakan bahawa pada pandangan syarikat pengurusan, Penyata Kewangan Tabung ASK belum beraudit yang dibentangkan di dalam Laporan Setengah Tahun ini telah disediakan mengikut peruntukan Suratikatan dan memberi gambaran yang benar dan saksama berhubung hal-ehwal Tabung ASK bagi setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2025 mengikut Prinsip Perakaunan yang diterimapakai di Malaysia dan diubahsuai oleh Garispanduan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ke atas Tabung Unit Amanah.

Untuk dan bagi pihak Pengurus
KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD

PROF. EMERITUS DATO' WIRA DR. MOHD SALLEH BIN HAJI DIN
Pengarah

MOHD AZAD BIN JASMI
Pengarah

Tarikh: 6 Oktober 2025



Penyata Kewangan Tabung ASK

Penyata Kewangan Tabung ASK yang dibentang di bawah adalah **PENYATA YANG BELUM DIAUDIT** bagi setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2025 berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya.

STATEMENT OF FINANCIAL POSITION For The Financial Period Ended 31 August 2025

	2025 (RM)	2024 (RM)
Assets		
Deposits with financial institutions	3,731,583	2,171,367
Quoted Investments	21,292,340	24,716,277
	25,023,923	26,887,644
Other assets		
Deposits receivable	542	329
Dividends receivable	2,500	20,432
Tax recoverable	168,863	168,863
Cash at bank	22,026	14,477
Sales receivable	299,640	-
Others	3,554	3,554
	497,125	207,655
Total Assets	25,521,048	27,095,299
Liabilities		
Due to Manager	32,133	35,273
Due to Trustee	1,500	1,646
Due to stockbrokers	-	-
Other payables and accruals	16,030	9,018
Total Liabilities	49,663	45,937
Equity		
Unitholders' capital	112,138,107	113,055,407
Accumulated losses	(86,666,722)	(86,006,045)
Net Asset Value ("NAV") Attributable to Unitholders	25,471,385	27,049,362
Total Equity and Liabilities	25,521,048	27,095,299
Units in circulation	87,500,000	90,700,000
Net Asset Value ("NAV") per unit	0.2911	0.2982



STATEMENT OF COMPREHENSIVE INCOME
For The Financial Period Ended 31 August 2025

	2025 RM	2024 RM
Income		
Gross dividend income	270,662	278,306
Income from deposits in financial institutions	37,308	30,757
Other income	59	57
Net gain from investments:		
- Financial assets at fair value through profit and loss ("FVTPL")	-	-
- Net realised gain / (loss) on sale of investments	(681,251)	1,946,212
	(373,222)	2,255,332
Expenses		
Manager's fee	182,968	208,840
Trustee's fee	8,586	9,688
Auditor's remuneration	-	-
Bank & custodian charges	1,097	1,038
Administrative expenses	7,000	-
	199,651	219,566
Net income / (loss) before tax	(572,873)	2,035,766
Income tax expense	-	-
Net income / (loss) after tax	(572,873)	2,035,766
Net income after tax is made up by the following:		
Net realised income / (loss)	(572,873)	2,035,766
Net unrealised income / (loss)	-	-

STATEMENT OF CHANGES IN EQUITY
For The Financial Period Ended 31 August 2025

	Unitholders' capital	Retained earnings	Total equity
	RM	RM	RM
As at 1 March 2024	113,478,122	(88,460,443)	25,017,679
Total comprehensive gain for period	-	2,035,766	2,035,766
Unrealised changes in fair value	-	418,632	418,632
Creation of units	-	-	-
Cancellation of units	(418,606)	-	(418,606)
Distribution equalisation	(4,109)	-	(4,109)
Balance as at 31 August 2024	113,055,407	(86,006,045)	27,049,362
As at 1 March 2025	112,491,017	(87,659,190)	24,831,827
Total comprehensive loss for period	-	(572,873)	(572,873)
Unrealised changes in fair value	-	1,565,341	1,565,341
Creation of units	-	-	-
Cancellation of units	(353,325)	-	(353,325)
Distribution equalisation	415	-	415
Balance as at 31 August 2025	112,138,107	(86,666,722)	25,471,385



STATEMENT OF CASH FLOWS
For The Financial Period Ended 31 August 2025

	2025 RM	2024 RM
Cash flows from operating and investing activities		
Proceeds from sale of investments	7,515,345	7,923,421
Acquisition of investments	(5,884,902)	(4,968,665)
Net dividends received	273,776	269,114
Income received from deposits	37,786	30,428
Subscription of rights / IPO	1,290,000	-
Other income received	59	57
Tax refund	-	-
Manager's fee paid	(181,953)	(202,591)
Trustee's fee paid	(8,491)	(9,454)
Professional fee – auditor / tax agent	(20,130)	(19,982)
Payment for other fees and expenses	(937)	(1,038)
Others	(2,250,000)	(3,202,776)
Net cash used in operating and investing activities	770,553	(181,486)
Cash flows from financing activities		
Cash paid on units cancelled	(352,910)	(422,715)
Cash received on units created	-	-
Grant received from Kedah State Government	-	-
Dividend to Unitholders	-	-
Net cash generated from financing activities	(352,910)	(422,715)
Net decrease in cash and cash equivalents	417,643	(604,201)
Cash and cash equivalents at 1 March 2025	3,335,966	2,790,045
Cash and cash equivalents at 31 August 2025	3,753,609	2,185,844
Cash and cash equivalents comprise:		
Cash at banks	22,026	14,477
Deposits with financial institutions	3,731,583	2,171,367
	3,753,609	2,185,844

NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENT
For The Financial Period Ended 31 August 2025

1. Basis Of Preparation

The financial statements of the Fund have been prepared in accordance with Financial Reporting Standards ("FRS") and the Securities Commission's Guidelines on Unit Trust Funds in Malaysia.

The financial statements have been prepared on the historical cost basis and are presented in Ringgit Malaysia ("RM").

2. Manager's Fee

The Manager's fee is computed on a daily basis at 1.50% per annum of the NAV of the Fund before deducting the Manager's and Trustee's fees for that particular day.

3. Trustee's Fee

The Trustee's fee is computed on a daily basis at 0.07% per annum of the NAV of the Fund, before deducting the Manager's and Trustee's fee for that particular day.

**4. Unitholders' Capital 2025 :**

	No. of units	RM
As at 1 March 2025	88,800,000	112,491,017
Creation of units	-	-
Cancellation of units	(1,300,000)	(353,325)
	87,500,000	112,137,692
Distribution equalisation	-	415
As at 31 August 2025	87,500,000	112,138,107

Amanah Saham Kedah has an approved combined fund size of 200,000,000 units.

5. Units Held By Related Parties

	31 Aug 2025	31 Aug 2024
Kedah Islamic Asset Management Berhad (The Manager)	62,278	125,422
Directors of the Manager	75,745	106,607
Other related parties	16,191,321	16,191,321
Total	16,329,344	16,423,350

All units are held legally, not beneficially.

6. Transactions with Stockbroking Companies

Details of transactions with stockbroking companies for the financial period ended 31 August 2025 are as follows:

Stockbroking Companies	Value of Trade RM	% of total Trade (%)	Brokerage Fees RM	% of total Brokerage Fees (%)
Affin Hwang Investment Bank Bhd	2,111,339	15.64	4,226	15.11
CIMB Securities Sdn Bhd	1,025,886	7.60	2,059	7.36
Maybank Investment Bank Bhd	1,613,335	11.95	3,223	11.52
RHB Investment Bank Bhd	3,539,043	26.22	7,965	28.47
Public Investment Bank Bhd	1,690,185	12.52	3,809	13.62
MIDF Amanah Investment Bank Bhd	328,392	2.43	659	2.36
CGS International Securities Malaysia Sdn Bhd	749,731	5.55	1,520	5.43
Hong Leong Investment Bank Bhd	2,439,617	18.07	4,515	16.14
Total	13,497,528	100.00	27,974	100.00

All stockbroking companies listed above are non-related parties with the Manager Company.

7. Financial Assets at FVTPL - as at 31 August 2025

	2025 (RM)	2024 (RM)
Financial assets held for trading:		
Quoted equities	21,292,340	24,716,277
Net gain / (loss) on financial assets at FVTPL comprised:		
Realised gain / (loss) on disposals	(681,251)	1,946,212
Unrealised changes in fair values	-	-
	20,611,089	26,662,489



Financials assets held for trading as at 31 August 2025 are as detailed below:

Name of Counter	Quantity	Cost	Fair value	% of
Quoted Equities	Units	RM	RM	NAV
Industrial Products				
Ancom Nylex Bhd	385,391	359,167	350,706	1.38
Aurelius Technologies Bhd	269,700	261,633	275,094	1.08
Aurelius Technologies Bhd – Warrant Bonus	89,900	-	17,980	0.07
CBH Engineering Holding Bhd	1,000,000	338,112	335,000	1.32
CPE Technology Bhd	1,050,000	1,123,500	714,000	2.80
EG Industries Bhd	1,115,200	881,164	1,371,696	5.39
EPB Group Bhd	515,700	302,707	232,065	0.91
Kelington Group Bhd	237,300	300,192	1,224,468	4.81
Malayan Cement Bhd	60,000	296,924	351,000	1.38
Mega First Corporation Bhd	180,000	737,041	610,200	2.40
Mi Technovation Bhd	250,000	519,338	585,000	2.30
Pantech Group Holdings Bhd	1,000,000	735,501	705,000	2.77
SKP Resources Bhd	607,050	590,717	546,345	2.14
SKP Resources Bhd – Warrant Bonus	93,000	-	465	-
Uzma Bhd	905,900	315,305	407,655	1.60
Icents Group Holdings Bhd	3,000,000	720,000	1,335,000	5.24
	10,759,141	7,481,300	9,061,674	35.58
Consumer Products				
Able Global Bhd	251,700	467,581	392,652	1.54
Keyfield International Bhd	400,000	767,734	548,000	2.15
Oriental Kopi Holdings Bhd	600,000	488,387	648,000	2.54
	1,251,700	1,723,701	1,588,652	6.24
Energy				
Dayang Enterprise Holdings Bhd	289,400	486,259	497,768	1.95
Petra Energy Bhd	347,700	331,981	285,114	1.12
T7 Global Bhd - 7228WD	157,340	-	5,507	0.02
	794,440	818,240	788,389	3.10
Telecommunication				
Redtone Digital bhd	350,000	351,243	169,750	0.67
	350,000	351,243	169,750	0.67
Construction				
AME Elite Consortium Bhd	200,000	345,135	308,000	1.21
Eversendai Corp Bhd	700,000	340,984	311,500	1.22
Gamuda Bhd	161,312	767,718	896,895	3.52
HSS Engineers Bhd	711,100	612,431	469,326	1.84
Muhibbah Engineering (M) Bhd	760,800	526,523	422,244	1.66
Northern Solar Holdings Bhd	550,000	346,500	396,000	1.55
	3,083,212	2,939,291	2,803,965	11.01
Trading / Services				
Agx Group Bhd	753,700	396,871	384,387	1.51
Carimin Petroleum Bhd	217,100	147,628	122,662	0.48
Tenaga Nasional Bhd	25,000	319,210	330,000	1.30
	995,800	863,709	837,049	3.29
Finance				
Bank Islam Malaysia Bhd	200,000	613,816	458,000	1.80
Eastern & Oriental Bhd	770,000	626,737	646,800	2.54
	970,000	1,240,553	1,104,800	4.34
REITS				
Axis Real Estate Investment Trust	461,267	813,963	940,985	3.69
	461,267	813,963	940,985	3.69
Technology				
Cloudpoint Technology Bhd	785,700	499,561	565,704	2.22
Coraza Integrated Technology Bhd	900,000	452,863	508,500	2.00
Frontken Corporation Bhd	267,200	538,604	1,143,616	4.49
Greatech Technology Bhd	100,000	245,016	209,000	0.82
Inari Amertron Bhd	42,700	123,597	86,681	0.34
Northeast Group Bhd	1,071,700	535,850	707,322	2.78
Malaysia Pacific Industries	28,900	1,041,820	776,254	3.05
	3,196,200	3,437,312	3,997,077	15.69



Total Investment	21,861,760	19,669,310	21,292,340	83.59
Excess of Fair Value over Cost	1,623,030			

8. Total Expenses and Portfolio Turnover Ratios

(a) Total Expenses Ratio ("TER")

The TER of the Fund is the ratio of the sum of fees and expenses incurred by the Fund to the average NAV of the Fund calculated on a daily basis. The fees and expenses include Manager's fee, Trustee's fee, auditors' remuneration, tax agent's fee and other administrative expenses. For the financial period ended 31 August 2025, the TER of the Fund stood at 0.83% (2024: 0.17%) and is calculated as follows:

$$\begin{aligned}
 \text{TER} &= \frac{\text{Total fees and expenses}}{\text{Average NAV}^*} \times 100 \\
 &= \frac{\text{RM199,651}}{\text{RM23,997,191}} \times 100 \\
 &= 0.83 \%
 \end{aligned}$$

(b) Portfolio Turnover Ratio ("PTR")

The PTR of the Fund is the ratio of average acquisitions and disposals of the Fund for the financial year to the average NAV of the Fund calculated on a daily basis. For the financial period ended 31 August 2025, the PTR of the Fund stood at 0.28 times (2024: 0.23).

The PTR of the Fund is calculated as follows:

$$\begin{aligned}
 \text{PTR} &= \frac{(\text{Total Acquisitions} + \text{Total Disposals}) / 2}{\text{Average NAV}^*} \\
 &= \frac{(\text{RM5,884,902} + \text{7,515,345}) / 2}{\text{RM23,997,191}} \\
 &= 0.28 \text{ times}
 \end{aligned}$$

Note :

(*) The average NAV of the Fund for the financial period ended 31 August 2025 was RM23,997,191 (2024: RM27,685,386).



Maklumat Korporat

SYARIKAT PENGURUSAN

KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD (315167-P)

PEJABAT PERNIAGAAN

178, Lebuhraya Sultanah Bahiyah
05350 Alor Setar, Kedah Darul Aman

Tel : 04-7300323 Faks : 04-7300320

E-mel : ask@kiam.com.my Laman web: www.kiam.com.my

LEMBAGA PENGARAH

Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Bin Haji Din
Dato' Azman Bin Aziz
Mohd Azad Bin Jasmi
Adi Harriman Bin Abdul Majid (meletak jawatan pada 8 Mei 2025)

JAWATANKUASA PELABURAN

Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Bin Haji Din
Prof. Dr. Rushami Zien Bin Yusoff
Mohd Azad Bin Jasmi

MAJLIS PENYELIAAN SYARIAH

Dato' Setia Jaya Dato' Paduka Syeikh Hasbullah Bin Haji Abdul Halim
Dato' Wira Syeikh Yahaya Bin Haji Jusoh
Prof Dr. Md. Amin Bin Abdul Rahman

JAWATANKUASA AUDIT & PEMATUHAN

Haji Ahmad Bin Haji Ismail
Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Bin Haji Din
Prof. Dr. Rushami Zien Bin Yusoff

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Adi Harriman Bin Abdul Majid (meletak jawatan pada 1 Mei 2025)

PEMANGKU KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Mohd Azad Bin Jasmi (dilantik pada 1 Ogos 2025)

PEMEGANG AMANAH

CIMB Islamic Trustee Berhad (198801000556)
Aras 13, Menara CIMB
Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur

WAKIL KEPADA PEMEGANG AMANAH

CIMB Islamic Bank Berhad (671380-H)
Aras 21, Menara CIMB
Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur

JURUAUDIT TABUNG & AKAUNTAN MELAPOR

PKF PLT
No.416, Jalan Dato' Keramat
10460 Pulau Pinang

PERUNDING PERCUKAIAN

PKF Tax Services Sdn. Bhd.
Level 33, Menara 1MK, Kompleks 1 Mont Kiara
No.1, Jalan Kiara, Mont' Kiara
50480 Kuala Lumpur

PEGUAMBELA & PEGUAMCARA

Tetuan Hoe & Ahmad Zaki
(Peguambela & Peguamcara)
No. 1564, Tingkat 2, Wisma Southern Bank
Jalan Kota, 05000 Alor Setar
Kedah Darul Aman

Tetuan Abdul Halim Said & Co.
Suite 25-29, Tingkat Dua
Bangunan Lembaga Padi
Jalan Tunku Ibrahim, 05000 Alor Setar
Kedah Darul Aman

BANK-BANK

CIMB Islamic Bank Berhad
1583, Bangunan UMNO
Jalan Tunku Ibrahim
05000 Alor Setar
Kedah Darul Aman



KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD (315167-P)
PENGURUSAN PORTFOLIO | PENGURUSAN AMANAH SAHAM

178, Lebuhraya Sultanah Bahiyah,
05350 Alor Setar, Kedah Darul Aman.

Tel: 04-7300323 Faks: 04-7300320

E-mail: ask@kiam.com.my

Laman web: www.kiam.com.my